



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN BENDAHARI
ARAS 3, BLOK UTARA,
BANGUNAN CANSELORI,
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA.

Tel : + 6088-320 000 samb. 1041 / 1043
Faks : + 6088-320 235
E-mel : pabenums@ums.edu.my

No. Ruj : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 Jilid 5 (16)

Tarikh : 3 November 2017

SURAT PEKELILING BENDAHARI

Semua Dekan Fakulti/Pusat
Semua Pengarah Institut/Jabatan
Semua Ketua Unit
Semua Pemegang Waran Pusat Tanggungjawab

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2017

PINDAAN TARikh BAYARAN GAJI BULAN NOVEMBER 2017 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Surat Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan tarikh bayaran gaji bagi bulan November 2017 dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi bagi memastikan penyediaan gaji bagi bulan November 2017 dapat diuruskan dengan sempurna dan bayaran gaji dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang ditetapkan.

2.0 LATAR BELAKANG

Surat pekeliling ini disediakan berdasarkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah meluluskan pembayaran gaji bulan November 2017 dilaksanakan lebih awal daripada jadual asal susulan dengan sambutan perayaan Majlis Konvokesyen UMS Ke-19 yang akan diadakan pada 15 hingga 20 November 2017.

3.0 TARikh PEMBAYARAN GAJI BULAN NOVEMBER 2017

- 3.1 Tarikh bayaran gaji bulan November 2017 bagi kakitangan tetap/sementara / kontrak Universiti Malaysia Sabah adalah dijadualkan lebih awal iaitu pada hari **Jumaat, 17 November 2017**.

- 3.2 Semua tuntutan elaun lebih masa kakitangan UMS yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Seksyen Perkhidmatan Kakitangan, jabatan Bendahari UMS atau Sektor Kewangan, Kampus Cawangan atau Zon Operasi Kewangan selewat-lewatnya pada hari Rabu, 8 November 2017.
- 3.3 Untuk memastikan bahawa pembayaran gaji dapat dibuat mengikut tarikh tersebut, semua pihak adalah dikehendaki untuk memastikan peraturan pembayaran gaji seperti yang dinyatakan dalam para 3.0 Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2017 dipatuhi.

4.0 PINDAAN

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka Butiran Bulan November 2017 pada Lampiran A - Jadual Pembayaran Gaji Bulanan Bagi Kakitangan Tetap/ Sementara / Kontrak Universiti adalah dipinda.


5.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA SURAT PEKELILING

- 5.1 Surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.
- 5.2 Kerjasama semua pihak adalah diharapkan untuk mematuhi peraturan - peraturan yang telah digariskan agar dapat melicinkan proses pembayaran gaji bulan November Universiti Malaysia Sabah serta mengelakkan masalah kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

“Bertekad Cemerlang”

Yang ikhlas,



ZALLIFAH SHADAN
Bendahari

s.k

- YBhg. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Bahagian Audit Dalam
- Bahagian / Sektor / Zon Operasi Kewangan Jabatan Bendahari